

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	12/01/2018

PENUBUHAN SURUHANJAYA SIASATAN DIRAJA TRAGEDI MEMALI

'Terpaksa mengaku tak tahan kena seksa'

➔ Mangsa nafi Ibrahim Libya cuba lancar revolusi

Oleh Petah Wazzan Iskandar
wazzan@bh.com.my

▮ Baling

Desakan supaya kerajaan segera menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) terhadap tragedi Memali, semakin lantang kedengaran, khususnya dalam kalangan mangsa peristiwa berdarah itu. Walaupun sudah lebih 30 tahun berlalu, mangsa tragedi Memali mendakwa belum pulih dari trauma peristiwa mengorbankan 18 mangsa terdiri orang awam dan anggota polis itu. Ada juga mendakwa mempu-

nyai banyak bukti baharu yang boleh dan sedia dikemukakan kepada RCI, demi mencari keadilan kepada semua pihak yang terbahit dalam kejadian itu.

Dakwaan satu pembohongan
Malah, seorang daripadanya menyifatkan dakwaan Tun Dr Mahathir Mohamad, kononnya tragedi pada 1985, yang mengorbankan 14 nyawa orang awam dan empat anggota polis, berpunca daripada 'Amanat Haji Hadi', sebagai pembohongan semata-mata.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Memali PAS Kedah, Datuk Muhammad Yusof Husin, mendakwa apa yang berlaku ketika itu bukan seperti digambarkan dalam Kertas Putih Memali yang dibentangkan di Parlimen ketika era Mahathir, sebaliknya berpunca tindakan menghalang penentangan terhadap Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Beliau juga mendakwa tuduhan bahawa Ibrahim Mahmud yang di-

kenali sebagai Ibrahim Libya, cuba melakukan revolusi kerana terpengaruh dengan 'Amanat Haji Hadi' adalah tidak benar sama sekali.

Muhamad Yusof yang lebih dikenali sebagai Pak Cop, mendakwa apa yang dilemparkan kerajaan diketuai Dr Mahathir ketika itu, hanya untuk mengaitkan dengan secebis amanat yang disensasikan orang tertentu.

"Kami sebagai penduduk kampung ketika itu, hanya melindungi Ibrahim kerana kerajaan mahu menahannya mengikut ISA, yang kami anggap sebagai undang-undang bertentangan ajaran Islam.

"Saya masih ingat apabila disiksa dengan dibogel, ditendang dan dipukul, selama tiga hari tiga malam supaya mengaku sebagai orang kaman kepada Ibrahim Libya," katanya.

Muhamad Yusof mendakwa, pelbagai seksaan yang diterima ketika dalam tahanan itu, menyukarkan beliau dan penduduk kampung terus bertahan sehingga terpaksa



Muhamad Yusof menceritakan tragedi Memali ketika ditemui di rumahnya di Baling.

akur kepada semua kehendak polis, sehingga apa yang direka menjadi bukti untuk Kertas Putih.

"Selepas disiksa pelbagai kaedah, saya dipaksa membuat pengakuan di hadapan wartawan dan jurukamera *Radio Televisyen Malaysia* (RTM) dengan dikawal ketat polis. Boleh kata, berpuluh rakan dirakam dan apabila saya dimasukkan ke Penjara Kamunting, Perak, barulah ia disiarkan.

Niat bunuh Ibrahim Libya

"Ketika itu, saya sangat benci melihat diri saya yang terpaksa antara 100 individu ditahan pihak berkuasa susulan kes Memali.

Muhamad Yusof amat berharap Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) tragedi Memali ditubuhkan kerana mahu segera menampilkan bukti yang dimilikinya bahawa kedatangan polis ke Kampung Memali ketika itu adalah dengan niat untuk membunuh Ibrahim Libya.

"Bagi saya ini kehendak Allah

untuk menentukan ajal saya belum tiba, bagi membolehkan kebenaran disingkap sekiranya RCI dibuat. Saya akan kemukakan bukti untuk mendedahkan segala-galanya, jika RCI yang diadakan dapat memberi jaminan keselamatan kepada semua saksi yang ada," katanya.

Susulan keperitan menempuh pelbagai seksaan lebih 30 tahun lalu itu, Muhamad Yusof mersakan, penubuhan RCI tragedi Memali adalah satu kemestian demi mendapatkan pembelaan dan keadilan, sekali gus memperbetulkan sejarah negara ini.

"Saya melihat jika ditakdirkan Pakatan Harapan menang Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14), sudah pasti usaha menubuhkan RCI Memali akan terjejas.

"RCI membolehkan kebenaran dicari kerana banyak fakta dalam Kertas Putih itu boleh dicabar, sekali gus mengheret pihak yang bertanggungjawab ke muka pengadilan," katanya.

BH - 12/1/2018
Pg. 7